

# Salam: Taiwan

Taiwan mengalu-alukan  
kunjungan anda



# Kalendar Acara Tahunan



**MUSIM BUNGA |  $25^{\circ}\text{C} \pm$**

Mac - Mei

Apa yang perlu dibawa: Bersedia dengan baju lengan panjang atau jaket nipis untuk suhu pada waktu malam yang sejuk. Waktu ini juga adalah musim tengkujuh jadi jangan lupa bawa payung atau baju hujan.



Panorama yang menakjubkan, sejarah zaman berzaman, keajaiban budaya mempesona – alami segalanya di Taiwan! Terdapat pelbagai tarikan untuk diterokai dengan percutian yang sentiasa terpahat dalam ingatan. Dengan adanya kemudahan dan lokasi percutian mesra Muslim, anda boleh melancang dengan selesa tanpa rasa bimbang. Taiwan mengalu-alukan kunjungan anda dengan penuh kemesraan!



**MUSIM PANAS |  $30^{\circ}\text{C} \pm$**

Jun - Ogos

Apa yang perlu dibawa: Pakaian yang nipis dan selesa untuk dipakai semasa suhu yang agak panas dan lembap. Hujan juga kerap turun, jadi bawa baju hujan atau payung bersama anda.

Mac

April

Mei

Jun

Julai

Ogos

Hakka Tung Blossom Festival		Taiwan Balloon Festival			
Spring Wave Music & Art Festival		Xiuguluan River Rafting Activity	Yilan International Children's Folklore & Folkgame Festival		
Penghu Ocean		Fireworks Festival	Tern – Watching Tour, Matsu		
Dapeng Bay Yacht & Regatta Festival	Fulong International Sand	Sculpting Art Festival	Taoyuan International ACG Carnival	Taiwan Culinary Exhibition	
Daxueshan International Bird Watching Competition	Dragon Boat Festival	Formosa Summer Festival (Jun – Sep)		Taiwan Cycling Festival (Jun – Dis)	
		Hohaiyan Rock Festival in Gongliao		Daylily Flower Season in Hualian (Ogos – Sep)	



sungguh romantis!



## MUSIM LURUH

Sept - Nov

$23^{\circ}\text{C} \pm$

Apa yang perlu dibawa: Baju tangan panjang, kardigan dan jaket nipis. Kenakan pakaian berlapis yang boleh anda pakai atau tanggal untuk menghadapi perubahan cuaca.



Cantiknya!



## MUSIM SEJUK

Dis - Feb

$18^{\circ}\text{C} \pm$

Apa yang perlu dibawa: Anda boleh memakai kot atau jaket, seperti baju panas dan kemeja-t lengan panjang.

### September

Sun Moon Lake International Swimming Carnival

The Most Beautiful Bays Carnival in Penghu

### Oktober

Sanyi International Woodcarving Art Festival

### November

Xinshe Sea of Flowers

### Disember

New Year's Eve Celebration

Chiayi City International Band Festival

### Januari

Taiwan Lantern Festival (Feb - Mac)

Pingxi Sky Lantern Festival

### Februari

Love in Alishan Wedding under Sacred Tree

Yunlin International Puppets Art Festival

Taipei Marathon

Taiwan Lantern Festival  
Yanshui Beehive Rockets Festival

Taipei International Book Exhibition

Taiwan Hot Spring & Fine-Cuisine Carnival (Sep - Jun)

Taiwan Open of Surfing

Taroko Gorge Marathon

Purple Butterfly Watching (Dis - Mac)

Taichung World Flora Exposition (Nov - April)



\*Tarikh acara tertakluk pada perubahan, sila rujuk laman web rasmi.

# PANDUAN PERJALANAN DIY TAIWAN

## PERJALANAN MELALUI UDARA

Dua lapangan terbang antarabangsa utama Taiwan - Lapangan Terbang Antarabangsa Taoyuan dan Lapangan Terbang Antarabangsa Kaohsiung menawarkan penerbangan terus antara Taiwan dan kebanyakan bandaraya utama di dunia.

Dari Lapangan Terbang Antarabangsa Taoyuan, perjalanan ke pusat bandar Taipei mengambil masa kurang daripada satu jam dan pelawat yang tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kaohsiung boleh sampai ke Stesen Kereta Api Kaohsiung dalam masa kira-kira 35 minit. Untuk penerbangan domestik, terdapat lima syarikat penerbangan untuk dipilih.

Lapangan terbang menyediakan kemudahan mesra Muslim seperti bilik air dengan manguk cebok dan surau.

## KERETA API BERKELAJUAN TINGGI TAIWAN

Kereta Api Berkelajuan Tinggi Taiwan adalah salah satu daripada kaedah pengangkutan utama di barat Taiwan. Terdapat 12 stesen di sepanjang laluan - Nangang, Taipei, Banqiao, Taoyuan, Hsinchu, Miaoli, Taichung, Changhua, Yunlin, Chiayi, Tainan, dan Zuoying. Stesen Taoyuan, Hsinchu, Miaoli, Taichung,

## KERETA API TAIWAN

Rangkaian pengangkutan kereta api merentasi di seluruh pulau dengan banyak sub laluan yang menghubungkan bandar-bandar besar dan kecil. Terdapat banyak stesen yang memudahkan pertukaran kepada sistem pengangkutan yang berlainan. Tambang berbeza mengikut kelajuan. Terdapat Ziqiang Limited Express, Juguang Limited



Informasi

### Lapangan Terbang Antarabangsa Taiwan Taoyuan

Tel: Kaunter Perkhidmatan Terminal 1 (03) 273-5081  
Kaunter Perkhidmatan Terminal 2 (03) 273-5086  
Laman web: [www.taoyuan-airport.com/english](http://www.taoyuan-airport.com/english)

### Lapangan Terbang Antarabangsa Kaohsiung

Tel: (07) 805-7631  
Laman web: [www.kia.gov.tw/English/](http://www.kia.gov.tw/English/)

### Uni Air

Tel: (02) 2508-6999  
Laman web: [www.uniair.com.tw/](http://www.uniair.com.tw/)

### Mandarin Airlines

Tel: (02) 412-8008  
Laman web: [www.mandarin-airlines.com](http://www.mandarin-airlines.com)

### Daily Air

Tel: (07) 801-4711  
Laman web: [www.dailyair.com.tw](http://www.dailyair.com.tw)

## BAS PERSIARAN TAIWAN



Bas Persiaran Taiwan menawarkan pemandu pelancong ke destinasi pelancongan utama di Taiwan dalam bahasa Cina, Inggeris dan Jepun, dengan lawatan setengah hari hingga tiga hari untuk dipilih. Tempahan boleh dibuat melalui ejen-ejen perjalanan terpilih.

## BAS ANTARA BANDAR

Bas-bas antara bandar Taiwan adalah lebih murah dan kadang-kadang menjadi alternatif yang lebih cepat kepada kereta api untuk perjalanan antara bandaraya dan bandar, dan ini merupakan kaedah pengangkutan yang sesuai untuk pelancong bajet.

### Kuo-kuang Bus

Tel: 0800-010-138  
Laman web: [www.kingbus.com.tw](http://www.kingbus.com.tw)

### UBus

Tel: 0800-241-560  
Laman web: [www.ubus.com.tw](http://www.ubus.com.tw)

### Aloha Bus

Tel: 0800-043-168  
Laman web: [www.aloha168.com.tw](http://www.aloha168.com.tw)

### Free Go Bus

Tel: 0800-051-519  
Laman web: [www.freego.com.tw](http://www.freego.com.tw)

### Ho-Hsin Bus

Tel: 0800-002-377  
Laman web: [www.ebus.com.tw/](http://www.ebus.com.tw/)

Tel: 0800-011-765 (khidmat maklumat pelancongan 24 jam percuma dalam bahasa Cina, Inggeris dan Jepun)  
E-mel: [service@TaiwanTourBus.com.tw](mailto:service@TaiwanTourBus.com.tw)  
Laman web: [www.taiwantourbus.com.tw/C/us/home](http://www.taiwantourbus.com.tw/C/us/home)

## PERKHIDMATAN BAS ULANG ALIK PELANCONG TAIWAN

Perkhidmatan bas ulang alik untuk pelancong, beroperasi dari Kereta Api Taiwan dan stesen THSR ke lokasi tarikan utama di negara ini. Jika anda memilih untuk tidak menyertai lawatan atau memandu, Taiwan Tourist Shuttle adalah salah satu pilihan pengangkutan yang mudah diakses.

Tel: 0800-011-765 (khidmat maklumat pelancongan 24 jam percuma dalam bahasa Cina, Inggeris dan Jepun)  
Laman web: [www.taiwantrip.com.tw/](http://www.taiwantrip.com.tw/)



## BAS BANDAR



Setiap daerah dan bandar di Taiwan menawarkan perkhidmatan bas awam untuk perjalanan dalam daerah atau bandar. Anda boleh membayar secara tunai (bayaran tepat sahaja), tetapi untuk perjalanan di


beberapa bandar-bandar utama, seperti Taipei dan Kaohsiung, anda disyorkan untuk mendapatkan prabayar EasyCard atau iPASS yang boleh digunakan untuk perjalanan bas bandar dan MRT.

### Express, Fuxing Limited Express, kereta api tempatan dan kereta api biasa.

Penumpang boleh membuat pilihan berdasarkan destinasi mereka, jadual dan bajet perjalanan (pembelian tiket boleh dibuat melalui telefon atau secara dalam talian).

Talian khidmat pelanggan: 0800-765-888  
Laman web: [www.railway.gov.tw](http://www.railway.gov.tw)

## METRO



Bandar-bandar yang kini menawarkan perkhidmatan metro di Taiwan adalah Taipei, Kaohsiung dan Taoyuan. Sistem Taipei Rapid Transit (TRTC) terdiri daripada tujuh laluan, Kaohsiung Rapid Transit Corp mempunyai dua laluan dan Taoyuan Metro mempunyai satu laluan. Taoyuan Metro menyediakan akses mudah

ke lapangan terbang dan merupakan pengangkutan alternatif untuk pelancong yang ingin melawat Taipei dari Taoyuan.

Anda boleh membeli token IC satu perjalanan, prabayar EasyCard / iPASS atau pas sehari bergantung pada rancangan perjalanan anda.



TRTC

Tel: (02) 2181-2345  
Laman web: english.metro.taipei/



KRTC

Tel: (07) 793 - 8888  
Laman web:  
www.krtco.com.tw/en/index.aspx



Taoyuan  
Metro

Tel: (03) 286-8789  
Laman web:  
www.tymetro.com.tw/tymetro-new/  
en/index.php



Taiwan Fun Pass adalah kad edisi terhad untuk menjelajahi Taiwan! Ia adalah tiket elektronik yang dilengkapi dengan sumber-sumber pelancongan yang dirancang dan dicadangkan oleh kerajaan tempatan di seluruh negara, menawarkan diskau khusus "masa dan tempat" untuk pelbagai kemudahan perjalanan dan tiket destinasi. Pas ini penuh dengan diskau untuk produk dan perkhidmatan. Ia boleh didapati secara dalam talian dan juga di kedai-kedai tempatan.

Maklumat lanjut di: [www.funcard.tw/en/index.asp](http://www.funcard.tw/en/index.asp)

## KOD PANGGILAN NEGARA:

+886

Jika anda membuat panggilan dari luar negara, dail +886 diikuti dengan nombor telefon.

## ELEKTRIK

Palam 110V / 60Hz yang mempunyai dua serampang rata selari seperti di Amerika Syarikat.

## CUKAI & PEMBERIAN TIP



Cukai jualan adalah termasuk dalam harga yang dipaparkan. Pemberian tip bukanlah amalan, walaupun kebanyakan hotel dan restoran menambah caj perkhidmatan 10%.

Garis Panduan Bayaran Bali VAT untuk Pelancong Asing:  
[eng.taiwan.net.tw/m1.aspx?sNo=0024567](http://eng.taiwan.net.tw/m1.aspx?sNo=0024567)

## MATA WANG & KADAR TUKARAN



Mata wang Taiwan adalah New Dolar Taiwan (NT \$). Wang tunai dan cek kembara boleh ditukar di kebanyakan bank dan pejabat pos utama dan di beberapa hotel dan pusat beli-belah. Kad kredit

diterima secara meluas. Wang kertas terdapat dalam denominasi 2000, 1000, 500, 200 dan 100. Syiling adalah dalam 50, 20, 10, 5 dan 1.



## LAMAN WEB PELANCONGAN

Taiwan Tourism Bureau (Bahasa Inggeris): [eng.taiwan.net.tw/](http://eng.taiwan.net.tw/)  
Biro Pelancongan Taiwan (Bahasa Melayu): [www.taiwan.net.my/ms](http://www.taiwan.net.my/ms)  
Jaringan Pelancongan Remaja: [www.youthtravel.tw/en/index.php](http://www.youthtravel.tw/en/index.php)  
Maklumat Hotel: [www.taiwanstay.net.tw](http://www.taiwanstay.net.tw)  
Maklumat untuk Warga Asing: [www.immigration.gov.tw](http://www.immigration.gov.tw)

## NOMBOR TELEFON PENTING

Maklumat Pelancongan 24 jam: 0800-011-765  
Kecemasan: 110  
Perkhidmatan Direktor Bahasa Inggeris: 106  
Kementerian Luar Ministry: (02) 2348-2999  
Pusat Persahabatan dan Perdagangan Malaysia, Taipei: (02) 2713-2626

Lapangan Terbang Antarabangsa Taiwan Taoyuan  
Kaunter Perkhidmatan Pelepasan T1: (03) 273-5081  
Kaunter Perkhidmatan Pelepasan T2: (03) 273-5086  
Pusat Perkhidmatan Lapangan Terbang Antarabangsa Kaohsiung: (07) 805-7888  
NTU Hospital: (02) 2312-3456  
Mackay Memorial Hospital: (02) 2543-3535

# PERSIJILAN HALAL

Perhatikan tanda ini semasa percutian anda.



**MR** Muslim Restaurant  
(restoran dimiliki oleh orang Islam)



**MFR** Muslim Friendly Restaurant  
(restoran dimiliki oleh bukan Islam)



**MFT** Muslim Friendly Tourism  
(tempat yang menyediakan kemudahan mesra Muslim seperti surau)



**MCH** Muslim Certification Hotel  
(penginapan dengan kemudahan mesra Muslim)

Muat turun Tour Taiwan App lebih banyak akses ke maklumat tempat-tempat menarik pelancong.



Tour Taiwan app



Cari tempat makan Halal (restoran, kafe, dapur), perjalanan mesra Muslim (hotel, tempat-tempat pelancongan) dan tempat-tempat orang Islam (masjid, surau, organisasi) melalui aplikasi ini.



Available on the



## KOD QR

Imbas kod QR pada halaman berikut dan menerima lokasi tempat yang menarik pada telefon anda.



Sistem Taipei Metro menyediakan sambungan mudah di seluruh bandar. Selain itu, tarikan pelancongan juga ditulis dalam bahasa Cina di dalam buku ini supaya lebih mudah untuk ditunjukkan kepada penduduk tempatan sekiranya anda memerlukan bantuan lanjut!

# KANDUNGAN



# Salam Gembira

Membeli-belah

Taipei 101 (Taipei)	07
Wufenpu (Taipei)	08
Ximending (Taipei)	09
Park Lane by CMP (Taichung)	11
Jinming First Street (Taichung)	12
Dadaocheng	
Yongle Fabric Market (Taipei)	13
Gloria Outlets (Taoyuan)	14



# Salam Kembala

Rekreasi  
luar

Yehliu Geopark (New Taipei)	15
Tamsui Fisherman's Wharf (New Taipei)	16
Yangmingshan National Park (Taipei)	17
Sun Moon Lake (Nantou)	19
Zhongshe Flower Market (Taichung)	20
Qingjing Farm (Nantou)	21
Tung Blossom Festival (Miaoli)	23
Wuling Farm (Taichung)	24



# Salam Gembira

Pasar  
Malam

Shilin Night Market (Taipei)	01
Raohe Street Night Market (Taipei)	03
Fengjia Night Market (Taichung)	04
Yichung Shopping Street (Taichung)	05



# Salam Perkenalan

Budaya  
& Warisan

National Palace Museum (Taipei)	25
Houtong Cat Village (New Taipei)	27
Jimmy Liao Park (Yilan)	28
National Center for Traditional Arts (Yilan)	29
National Taichung Theater (Taichung)	29
Taichung Rainbow Village (Taichung)	30
Pingxi (New Taipei)	31
Jiufen (New Taipei)	32

# Salam Riāng-Ria

Taman  
hiburan

Leofoo Village Theme Park (Hsinchu)	33
West Lake Resortopia (Miaoli)	35
Lihpao Land (Taichung)	36
Window on China Theme Park (Taoyuan)	37
Formosan Aboriginal Culture Village (Nantou)	38



# Salam Suci

Tarikan  
Istana  
Muslim

Taipei Grand Mosque (Taipei)	39
Longgang Mosque (Taoyuan)	41
Taichung Mosque (Taichung)	42
Kemudahan	
Homestay	43
Restoran	44



# Shilin Night Market

士林夜市



Taipei



Salah satu pasar malam terbesar di Taipei, suasana yang meriah menanti pengunjung untuk mencuba masakan tempatan dan membeli-belah. Pasar ini dibahagikan kepada bangunan Shilin Market lama di mana akan temui sebegitu banyak gerai makanan dan bahagian lain yang menjual barang bukan makanan daripada pakaian hingga aksesori telefon pintar.

**WAKTU DIBUKA:** 5 petang – 12 tengah malam

**HENTIAN TERDEKAT:** Stesen MRT Jiantan, laluan keluar No.1

**APA YANG BOLEH DIMAKAN:**  
Ais Kepal, Teh Bubble,  
Tofu Berbau



# Salam Gembira



Jika aroma makanan di jalanan tidak cukup untuk buat anda tertarik, tawaran hebatnya pasti buat anda teruja! Pasar malam Taiwan terkenal sebagai syurga beli-belah dan tempat makan yang harus dilawati dalam percutian anda.

Tip untuk pelancong

1. Xiao chi bermaksud "makanan ringan" yang boleh anda temui dengan banyaknya di pasar malam.
2. Jangan pergi terlalu awal, anda mungkin terlepas gerai yang dibuka lewat pada waktu malam.
3. Berjalanlah mengikut aliran. Ia akan melancarkan pergerakan anda di pasar ini kerana anda tidak perlu melawan arus orang ramai dari arah bertentangan.
4. Berhati-hati bila bermain. Terdapat banyak mesin permainan disediakan di pasar malam, tapi jangan pulak anda habiskan semua wang anda di sana!



Taipei

# Raohe Street Night Market

饒河街觀光夜市



Pasar sepanjang 600 meter di Raohe Street dipenuhi dengan kedai yang menjual sajian lazat dan pelbagai barang. Ia juga merupakan salah satu pasar malam tertua di Taipei dan pengunjung akan disambut oleh pintu gerbang seni bina

Cina yang mempesona. Bagi yang ingin terus membeli-belah, pengunjung boleh mendapat pakaian dengan diskain hebat di Rangkaian Wufenpu yang terletak berhampiran dengan pasar ini.



**WAKTU DIBUKA:** 5 petang – 12 tengah malam

**HENTIAN TERDEKAT:** Stesen MRT Songshan, laluan keluar No.1

**APA YANG BOLEH DIMAKAN:**  
Sotong Panggang, Telur Dadar Tiram

# Fengjia Night Market

逢甲夜市



Taichung



Turut dikenali sebagai salah satu pasar malam terbesar dan terbaik di Taiwan, Fengjia Night Market menawarkan pelbagai keistimewaan untuk para pengunjung. Terletak di Taichung, pasar

**WAKTU DIBUKA:** 5 petang - 1 pagi

**HENTIAN TERDEKAT:** Stesen Kereta Api Taichung kemudian naiki bas No.35 ke Feng Chia University

**APA YANG BOLEH DIMAKAN:**  
Bebola Sotong, Cendawan Goreng

# YiChung Shopping Street

一中街商圈 ★★★★★

Terletak di daerah fesyen di Taichung, lokasi ini harus dikunjungi untuk rekaan fesyen dan trend terkini. Belilah barang remaja Taiwan yang hip dan urban dan bawa pulang cenderamata unik daripada gerai-gerai yang aneh di sini. Jangan bimbang, di sini juga terdapat gerai-gerai yang menyajikan hidangan tempatan.

Taichung



**WAKTU DIBUKA:** 11 pagi – 11 malam

**HENTIAN TERDEKAT:** Stesen Kereta Api Taichung kemudian naiki bas No. 25, 35, 203, 324, 280, 285, 286 atau 288 ke National Taichung University of Science atau Chungyo Department Store

**APA YANG BOLEH DIMAKAN:** Crepe Telur, Susu Betik dan Pisang

# Salam Syok



Taiwan menawarkan makna sebenar dalam kepuasan membeli-belah. Dengan pelbagai pilihan untuk membeli-belah dari butik antarabangsa mewah hingga ke gedung pereka tempatan, pasti ada sesuatu yang sesuai untuk setiap pengunjung.



Ikon menjulang tinggi ini menempatkan pusat beli-belah berbilang tingkat yang sememangnya syurga membeli-belah. Kunjungan ke bangunan pencakar langit ini tidak boleh dilepaskan jika anda ingin mendapatkan pakaian mewah, produk penjagaan kulit dan kosmetik kerana di

**WAKTU DIBUKA:** Ahad hingga Khamis dari 11.30 pagi – 9.30 malam  
Jumaat, Ahad dan Malam Cuti Umum dari 11.00 pagi – 10.00 malam

**HENTIAN TERDEKAT:** (1) Stesen MRT Taipei 10, laluan keluar No. 4  
(2) Stesen MRT Dewan Bandaraya Taipei laluan keluar No. 2  
kemudian berjalan kaki kira-kira 10 minit

Hai, 101!

Seperti namanya,  
bangunan ini  
mempunyai 101  
tingkat dengan dek  
pemerhatian.



sinilah terletaknya pelbagai kedai utama. Semasa anda berada di sini, anda juga boleh mengunjungi dek pemerhatian untuk menikmati panorama indah bandaraya Taipei.



Taipei  
**Wufenpu**  
五分埔 ★★★★★



Tip untuk pelancong

Kebanyakan kedai ditutup kepada pelancong pada hari Isnin kerana mereka berurusan dengan pembekal yang lebih besar dan mengisi semula barang, jadi hari yang terbaik untuk melawat adalah hari Selasa untuk mendapatkan barang yang baru tiba!



Di Wufenpu anda memerlukan masa dan kesabaran kerana ia merupakan gudang pakaian mega. Kunjungan anda akan disambut oleh barisan pakaian dan aksesori, malah ada barang di dalam beg plastik gergasi yang sedia untuk dipilih. Pembeli yang berhemat pasti akan suka harga yang berpatutan dan pilihan dari Korea, Jepun, Eropah, Amerika, Hong Kong dan sudah tentu dari Taiwan sendiri.



**WAKTU DIBUKA:** 11.00 pagi – 11.00 malam

**HENTIAN TERDEKAT:** Stesen MRT Houshanpi laluan keluar No. 1 atau Stesen Songshan laluan keluar No. 4

# Ximending


西門町 ★★★★☆

Taipei



Daerah yang penuh warna-warni ini sering dibandingkan dengan Harajuku di Jepun kerana terdapat begitu banyak kedai hip dan makanan. Pelbagai pilihan fesyen, hiburan dan tempat makan mewujudkan

suasana ceria yang menjadi daya tarikan utama golongan remaja. Di sini anda akan temui fesyen dan trend terkini daripada Jepun, Taiwan dan Barat serta barang vantaj yang unik.



Tip untuk pelancong

Perkataan "ding" di Ximending adalah huruf Jepun yang bermaksud "daerah", manakala Ximen bermaksud "pintu barat". Kedua-dua Ximen dan Ximending merujuk kepada lokasi yang sama.



## WAKTU DIBUKA:

9.00 pagi – 12.00 tengah malam

**HENTIAN TERDEKAT:** Stesen MRT Ximen

# Park Lane by CMP

勤美誠品綠園道 ★★★★★



Konsep baru "integrasi kehidupan" yang menarik dalam reka bentuk pusat beli-belah ini menjadikan Park Lane by CMP pengalaman membeli-belah yang unik. Dahulunya sebuah tempat letak kereta kini mempunyai dinding luar dari

ruangan bawah tanah ke tingkat tiga diliputi dengan 150,000 tumbuh-tumbuhan. Bangunan "hidup" ini menempatkan 330 kaki persegi Eslite Bookstore, butik gaya hidup dan jenama tempatan yang lain.

**WAKTU DIBUKA:** Ahad dan Sabtu dari 10.30 pagi – 10.00 malam  
 Isnin hingga Jumaat dari 11.00 pagi – 10.00 malam

**HENTIAN TERDEKAT:** Stesen HSR Taichung Station kemudian naiki Free Shuttle 159 ke Stesen Kuang San SOGO kemudian berjalan kaki selama 5 minit



Tip untuk pelancong

Jika kebanyakan hujung minggu, terdapat pasar yang menjual produk kraftangan tempatan.


# Taichung Jingming 1st Street

精明一街 ★★★★★



Berjalan-jalanlah di sepanjang Champs Elysees Taichung, Jingming 1st Street. Laluan pejalan kaki pertama Taichung di mana anda boleh membeli-belah di pelbagai butik, galeri serta menjamu selera

di restoran. Anda akan temui sentuhan keanggunan Eropah di sepanjang laluan 130 meter yang diserikan dengan seni dan muzik persembahan pada hujung minggu dan cuti.



**WAKTU DIBUKA:** 10.00 pagi – 11.00 malam

**HENTIAN TERDEKAT:** Stesen Kereta Api Taichung naiki Bas No. 83 atau 88 ke sekolah Chung-Ming Elementary



# Dadaocheng Yongle Fabric Market

大稻埕永樂布業商場 ★★★★★

Mencari fabrik pelbagai warna? Di sinilah tempatnya. Yongle Fabric Market adalah pusat perdagangan kain sejak dari zaman Penjajahan dan kekal sebagai lokasi industri kain yang terbesar di Taiwan.



**WAKTU DIBUKA:** Isnin hingga Sabtu dari 10.00 pagi – 6.00 petang  
Tutup pada Ahad

**HENTIAN TERDEKAT:** Stesen MRT Shunglian kemudian naiki bas Red No. 33 atau 518



# Gloria Outlet

華泰名品城 ★★★★★



Outlet fesyen Amerika pertama di Taiwan yang menawarkan pengunjung persekitaran beli-belah ala barat. Menjelang tahun 2019, semua fasa pusat beli-belah ini akan siap dan bakal menempatkan 260 jenama. Hari ini terdapat jenama Levi's, Nike, Timberland, Coach, CK, Armani, Tod's dan pelbagai lagi yang ditawarkan untuk para pengunjung.



**WAKTU DIBUKA:** Jumaat dan Sabtu dari 10.00 pagi – 10.00 malam  
Ahad hingga Khamis dari 10.00 pagi – 9.00 malam

**HENTIAN TERDEKAT:** Stesen HSR Taoyuan laluan keluar No. 6 atau  
Stesen MRT A18. Lapangan Terbang Antarabangsa  
laluan keluar No. 2





## New Taipei Yehliu Geopark

野柳



## Tip untuk pelancong


Yehliu Ocean World terletak bersebelahan taman. Ia adalah akuarium laut dengan pameran pendidikan tentang kehidupan laut dan habitatnya.

Pembentukan geologi yang unik di Yehliu Geopark menjadikan tanjung yang memanjang dari bandar Wanli begitu istimewa. Pembentukan yang paling ikonik adalah "Queen Head" yang dikatakan

menyerupai patung Ratu Nefertiti di Mesir. Pembentukan lain termasuk "Sea Candles", "Fairy Shoe" dan "Ginger Rocks", yang menjadikan perjalanan anda ke sini sememangnya berbaloi.

**WAKTU PERNIAGAAN:** Setiap hari dari 8.00 pagi – 5.00 petang

**HENTIAN TERDEKAT:** Stesen MRT Tamsui laluan keluar No. 2 kemudian naiki Taiwan Tourist Shuttle "Crown North Coast Route" untuk ke Yehliu Geopark.



# Salam Kembara



Taiwan bukan sekadar kota yang dipenuhi bangunan pencakar langit dan lorong yang menarik, ia juga kaya dengan keajaiban alam semula jadi yang menanti kunjungan anda. Terokai tempat-tempat menarik untuk menyaksikan pemandangan yang menakjubkan, bunga-bunga berkembang pada musim bunga dan landskap yang indah.

## New Taipei Tamsui Fisherman's Wharf

淡水漁人碼頭



Pernah menjadi pelabuhan perikanan penting, Tamsui Fisherman Wharf kini terkenal sebagai lokasi menyaksikan panorama indah matahari terbenam dan menikmati hidangan makanan laut yang lazat. Siap pada tahun 2003, "Lover Bridge" menjadi latar belakang romantis untuk pasangan yang menyusuri di sepanjang pelantar laluan.



## Tip untuk pelancong

Derhati-hati ketika berjalan di pelantar laluan kerana ia mungkin menjadi licin apabila hujan.

**WAKTU PERNIAGAAN:** 24 jam, setiap hari

**HENTIAN TERDEKAT:** Stesen MRT Tamsui



Taipei

# Yangmingshan National Park

陽明山



Untuk melakukan aktiviti luar sehari-hari, Yangmingshan National Park ada segalanya. Daripada berjalan menyusuri denai, laluan berbasikal, menikmati keindahan flora, fauna hingga mata air panas. Ketika musim berubah, keindahan

#### Tip untuk pelancong

Merancang perjalanan anda mengikut musim untuk memastikan anda dapat melihat bunga kegemaran anda.



**WAKTU PERNIAGAAN:** 24 jam, setiap hari

**HENTIAN TERDEKAT:** Stesen MRT Jiantan kemudian naiki bas R5, S15 atau S17 untuk ke Stesen Yangmingshan

# Sun Moon Lake

日月潭 ★★★★★

Mantou



Nikmati kehijauan alam dan kebiruan tasik sambil berbasikal. Di Sun Moon Lake anda boleh beriadah secara sihat sambil menyaksikan pemandangan indah yang mendamaikan. Jika anda tidak minat berbasikal, anda boleh menaiki bas untuk

mengelilingi tasik atau kereta kabel di Sun Moon Lake Ropeway untuk pemandangan dari atas tasik dan kawasan sekitarnya yang lebih mempesona.



**WAKTU DIBUKA:** 8.00 pagi – 6.00 petang

**HENTIAN TERDEKAT:** Stesen HSR Taichung kemudian naiki Taiwan Tourist Shuttle "Sun Moon Lake Route" untuk ke Sun Moon Lake



## Taichung Zhongshe Flower Market

中社觀光花市 ★★★★★

Kunjungan anda akan disambut dengan hamparan bunga di Zhongshe Flower Market. Inilah tempat yang sesuai jika anda ingin menyusuri taman gaya Eropah dan mengagumi bunga-bungaannya. Selain menikmati pengalaman indah ini, anda juga boleh mengunjungi kafe untuk minum petang di tengah-tengah lautan bunga. Bersedia dengan kamera anda bagi mengambil foto untuk kenangan.

Tip untuk pelancong

Dulan Januari hingga Mac adalah musim bunga tulip dan lili berkembang.

**WAKTU DIBUKA:** 8.00 pagi – 6.00 petang

**HENTIAN TERDEKAT:** Stesen Kereta Api Houli kemudian ambil teksi untuk ke Zhongshe Flower Market






## Qingjing Farm

清境農場



Padang rumput hijau tersembunyi di sebalik kabus pagi Qingjing Farm telah mendapat nama samaran "syurga dalam kabus". Terdapat pelbagai untuk dilihat dan dilakukan di ladang ini seperti persempahan mengembala biri-biri, ladang bunga dan laluan menjejak denai. Lapan laluan yang masing-masing

mempunyai ciri istimewa yang sesuai dengan minat anda, jadi anda boleh bermain dengan anak lembu, berjalan melalui hutan atau menikmati pemandangan indah taman teh.



**WAKTU DIBUKA:** 8.00 pagi – 5.00 petang



**HENTIAN TERDEKAT:** Stesen Kereta Api Taichung atau Stesen HSR Taichung kemudian naiki Bas Nantou untuk ke Stesen Puli dan tukar ke Qingjing

# Tung Blossom Festival

油桐花季 ★★★★★

Festival Tung Blossom begitu bermakna bagi masyarakat Hakka kerana pokok adalah sumber yang penting. Mereka akan mendapatkan minyak dan menggunakan kayunya untuk menghasilkan barang kegunaan. Sepanjang pesta ini, satu majlis besar-besaran diadakan untuk mengucapkan terima kasih kepada tiga tuhan gunung yang merupakan roh-roh penjaga orang Hakka. Selain itu, persembahan seni dan muzik juga diadakan.

**WAKTU DIBUKA:** Festival bermula dari Mac – Mei

**HENTIAN TERDEKAT:** Stesen Kereta Api Miaoli (terletak di perbandaran berbeza di Miaoli County)



Tip untuk pelancong  
Rancang perjalanan antara pada Mac – Mei untuk melihat bunga mekar sepenuhnya.



# Wuling Farm

武陵農場 ★★★★★

Taichung



Untuk merasai suasana kehidupan di ladang, Wuling Farm menawarkan pengalaman serba lengkap. Anda dapat melihat pemandangan yang luar biasa kawasan pergunungan, air terjun yang tenang, buah-buahan seperti pear, pic dan epal, sayur-sayuran dan teh. "Cherry blossom hook salmon", yang merupakan

spesies ikan yang jarang ditemui juga menjadikan ladang ini sebagai habitatnya. Ia juga menjadi lokasi terbaik untuk melihat bunga sakura ketika musim bunga dan daun maple pada bulan November dan Disember.

**WAKTU DIBUKA:** 24 jam, sehari

**HENTIAN TERDEKAT:** Stesen Kereta Api Yilan kemudian naiki Bas Guoguang untuk ke Wuling

Tip untuk pelancong

Ladang Wuling terletak dalam Taman Negara Shei-pa, di mana anda boleh cuba mendaki Mountain Snow (gunung kedua tertinggi di Taiwan).



# Salám Perkenalan



Mengenali dan menerokai Taiwan adalah suatu pengalaman berbentuk pendidikan dan menyeronokkan dengan pelbagai tarikan yang telah membawa kedatangan pengunjung selama bertahun-tahun. Daripada muzium besar hingga bandar-bandar indah, jangan lepaskan peluang untuk bersama merasai budaya dan warisan Taiwan yang unik.

## Taipei National Palace Museum

國立故宮博物院 ★★★★★



Khazanah negara sejak zaman berzaman dipamerkan di muzium bertaraf dunia ini. Direka sebagai sebuah istana China Utara, ia menempatkan peninggalan sejarah dan seni China yang berusia 5,000 tahun, malah lebih lama daripada Kota Larangan di Beijing. Ia adalah lokasi yang harus dilawati jika anda ingin mengetahui lebih lanjut mengenai budaya dan sejarah China.



### Tip untuk pelancong

Pastikan anda singgah di kedai hadiah untuk membawa pulang cenderahati seperti miniatur artifak yang dipamerkan.



**WAKTU DIBUKA:** Ahad hingga Khamis dari 8.30 pagi – 6.30 petang  
Jumaat dan Sabtu dari 8.30 pagi – 9.00 malam

**HENTIAN TERDEKAT:** Stesen MRT Shihlin kemudian naiki Bas R30





猴硐貓村 ★★★★★



Perhatian untuk semua peminat kucing! Pekan ini merupakan kawasan perlombongan arang batu yang berakhir semasa kemerosotan industri itu pada 1990-an. Penduduk tempatan mula menjaga kucing terbiar yang ditinggalkan, dan kemudiannya ia dikenali sebagai

Perkampungan Kucing. Pekan ini bukan sahaja penuh dengan kucing tetapi terdapat juga rumah-rumah kecil untuk mereka! Pastikan anda bersedia dengan kamera untuk mengambil gambar "si comel" yang merayau di sekitar pekan ini.

**Tip untuk pelancong**

Elakkan memberi kucing makanan yang anda bawa.



**WAKTU DIBUKA:** 24 jam, setiap hari

**HENTIAN TERDEKAT:** Stesen Kereta Api Taipei ke Stesen Houtong



## Yilan Jimmy Liao Park



幾米主題公園 ★★★★★



**WAKTU DIBUKA:** 24 jam, setiap hari

**HENTIAN TERDEKAT:** Stesen Kereta Api Yilan

kereta api terbang dari kisah "Starry Starry Night" dan watak-watak dari "Turn Left, Turn Right".

Karya luar biasa ilustrator dan penulis buku bergambar Taiwan menjadi "hidup" di Stesen Yilan. Ruang menyeronokkan yang membolehkan setiap orang berimajinasi dengan ilustrasi dari bukunya. Lihatlah



Dunia fantasi!

Yilan

# National Center for Traditional Arts

國立傳統藝術中心



Terletak di sebelah Sungai Dongshan, pusat ini adalah satu tarikan mesra keluarga yang sesuai dikunjungi oleh semua peringkat umur. Tontoni persembahan tradisional di atas pentas dan hasilkan ciptaan seni anda sendiri. Terdapat juga kawasan permainan untuk kanak-kanak, kedai khusus dengan mainan tradisional dan perhiasan serta makanan di dalam seni bina yang mencerminkan ciri-ciri Taiwan lama.

**WAKTU DIBUKA:** Hujung minggu dari 9.00 pagi – 6.00 petang (Musim puncak 9.00 pagi – 8.00 malam)

**HENTIAN TERDEKAT:** Luodong Railway Station kemudian naiki Capital Bus



# National Taichung Theater

台中國家歌劇院


Taichung



Teater ini direka oleh seorang arkitek Jepun yang bernama Toyo Ito. Teater ini terdiri daripada 58 permukaan melengkung dengan akustik kejuruteraan yang harmoni dengan bangunan ini. Ramai yang memanggilnya sebagai teko kerana bentuknya, tetapi pengunjung di bahagian dalam dapat merasai pengalaman ruang yang membolehkan bunyi dan seni hidup dalam suasana harmoni.

**WAKTU DIBUKA:** Ahad hingga Khamis dari 11.30 pagi – 9.00 malam  
Jumaat, Sabtu dan Cuti Umum Nasional dari 11.30 pagi – 10.00 malam

**HENTIAN TERDEKAT:** (1) Stesen HSR Taichung kemudian naiki HSR Shuttle Bus 161  
(2) Stesen Kereta Api Taichung kemudian naiki Bas No. 300, 301, 302, 303, 304, 305, 305E, 305W, 306, 306E, 306W, 307 atau 308 untuk ke Shin Kong/Yuan Bai dan berjalan kaki kira-kira 5-10 minit



# Taichung Rainbow Village

彩虹眷村

Taichung



Apa yang dahulunya komuniti perumahan biasa untuk tentera Kuomintang kini telah menjadi tarikan pelancong yang diserikan dengan mural haiwan, anak patung, kapal terbang dan watak-watak lain. Sebagai salah seorang penduduk terakhir, Huang Yung-Fu mengambil inisiatif sendiri untuk membawa kehidupan baru ke "kampung veteran" ini dengan lukisan berwarna-warni dan meriah.

Tip untuk pelancong

Encik Iuang masih tinggal di kampung ini, sila hormati kediaman beliau.

**WAKTU DIBUKA:** 9.00 pagi – 6.00 petang setiap hari

**HENTIAN TERDEKAT:** (1) Stesen HSR Taichung kemudian naiki Bas No. 26 atau 99 untuk ke Perkampungan Rainbow Taichung  
(2) Stesen Kereta Api Xinwuri kemudian naiki Railway Bas No. 56 untuk ke Taichung Rainbow Village






## Pingxi *New Taipei*

平溪 ★★★★★



Bagai kembali ke zaman silam di Pingxi, sebuah pekan nostalgia yang kaya dengan sejarah dan budaya. Setiap tahun, Festival Tanglung Langit telah menarik pengunjung untuk menulis hasrat mereka pada tanglung kertas dan melepaskannya ke langit. Bandar ini masih mengekalkan rumah-rumah kayu tahun 1930-an dan 1940-an serta mempunyai landasan kereta api yang melalui di tengah-tengah deretan kedai. Pengunjung pasti akan "jatuh cinta" dengan keindahan abadinya.



**WAKTU DIBUKA:** 24 jam, setiap hari

**HENTIAN TERDEKAT:** (1) Stesen MRT Muzha kemudian naiki Taiwan Tourist Shuttle "Muzha Pingxi Route" untuk ke Pingxi Old Street  
 (2) Stesen Kereta Api Taipei ke Stesen Ruifang kemudian tukar ke Stesen Pingxi



## Jiufen *New Taipei*

九份 ★★★★★



Pekan yang menawan ini pernah menjadi tanah jajahan bagi pelombang emas. Tempat yang mesti dikunjungi ialah Jiufen Old Street, di mana anda akan melalui lorong-lorong untuk menemui kegemaran dan knick-knacks masyarakat tempatan. Ia juga terkenal sebagai bandar yang mengilhamkan filem Miyazaki, "Spirited Away".

### Tip untuk pelancong

Makanan ringan yang terkenal di Jiufen ialah nasi pulut atau kek taro.

**WAKTU DIBUKA:** 24 jam, setiap hari

**HENTIAN TERDEKAT:** (1) Stesen Kereta Api Ruifang kemudian naiki Bas No.788  
 (2) Stesen MRT Zhongxiao Fuxing laluan keluar No.2 kemudian naiki Bas No.1062 untuk ke Jiufen Old Street.





**WAKTU DIBUKA:** Musim Bunga & Musim Luruh (Mac - Jun dan September - Oktober)  
9.00 pagi - 5.00 petang setiap hari  
Musim Panas (Julai dan Ogos)  
9.00 pagi - 8.00 malam setiap hari  
Musim Sejuk (November - Februari)  
9.00 pagi - 5.00 petang setiap hari

**HENTIAN TERDEKAT:** Stesen Taoyuan Bus Zhongli kemudian naiki Taiwan Tourist Shuttle "Theme Park Route" untuk ke Leofoo Village Theme Park

# Salam Riāng-Ria



Taiwan menjanjikan keseronokan untuk seisi keluarga dengan taman-taman hiburan yang menakjubkan. Sama ada anda melakukan sesuatu yang ekstrem atau berseronok dengan permainan yang ringan, ia pasti akan meninggalkan kenangan yang hebat untuk diingati.

## Msinchu Leofoo Village Theme Park

六福村主題遊樂園 ★★★★★



Tip untuk pelancong

Bermalamlah di hotel untuk melihat hidupan liar dari bilik hotel anda.

Taman tema terbesar di Taiwan mengalu-alukan kunjungan anda sekeluarga untuk merasai pengalaman mencuba lebih 60 permainan, taman air, safari dan juga hotel bertemakan safari. Anda tentu tidak pernah bosan di taman ini

dengan adanya pertunjukan air muzik, perarakan dan tarian! Taman ini juga mempunyai banyak pilihan tempat makan termasuk restoran mesra Muslim.



# West Lake Resortopia

西湖渡假村 ★★★★★

Miaoli



Peminat kisah dongeng pasti akan terpesona dengan taman bertemakan Hans Christian Andersen ini. Seni bina ala Eropah dan taman-taman akan membawa anda ke dunia fantasi berdasarkan kisah-kisah dongeng. Di samping itu, taman hiburan ini turut menyediakan permainan menyeronokkan yang sesuai untuk semua peringkat umur. Terdapat juga sebuah restoran mesra Muslim di sini.



Tip untuk pelancong

Berkunjunglah sewaktu Tung Blossom Festival pada musim bunga untuk melihat pokok bunga Tung berkembang.



**WAKTU DIBUKA:** 9.00 pagi – 5.00 petang

**HENTIAN TERDEKAT:** Stesen perhentian Bas Taipei kemudian naiki Bas Fengyuan No. 6606

Taichung

# Lihpao Land

麗寶樂園 ★★★★★



Lihpao Land menjanjikan pengunjung dengan pelbagai keseronokan. Di sini terdapat taman hiburan, taman air, litar go-kart, pusat beli-belah gaya Itali, hotel lima bintang dan pilihan tempat makan. Anda juga boleh merasai pengalaman di

Bilik Escape dan kompleks realiti maya dengan tiga bilik bertema untuk dipilih. Kunjungan anda tidak lengkap tanpa menaiki buaian pusing tertinggi di Taiwan.

Tip untuk pelancong

Taman air Lihpao Land, Itala Bay hanya dibuka pada musim panas. Ia mempunyai kolam renang gelombang luar bangunan dan air slide yang cerun ke bawah bukit semula jadi.

**WAKTU DIBUKA:** Hari biasa dari 9.30 pagi – 5.00 petang  
Hujung minggu, Cuti Umum dan musim panas dari 9.30 pagi – 8.00 malam

**HENTIAN TERDEKAT:** Stesen HSR Taichung kemudian naiki bas pengangkutan Lihpao Land





## Window on China Theme Park

小人國主題樂園 ★★★★★



Selain rollercoaster yang mendebarkan dan permainan tunggangan berputar, Window on China dipenuhi dengan model kecil seni bina tempatan dan global seperti Kota Larangan di Beijing, England

Stonehenge dan Menara Condong Pisa Itali. Selepas meneroka karya mini, terdapat juga taman air dan taman tertutup untuk keseronokkan yang berterusan walau hujan atau panas.



**WAKTU DIBUKA:** Hujung minggu dari 9.00 pagi – 6.30 petang  
Hari Biasa dan Cuti Umum dari 9.00 pagi – 7.00 malam

**HENTIAN TERDEKAT:** Stesen Kereta Api Zhongli kemudian naiki Railway Hsinchu Transportation Co. Bas No. 5653



## Formosan Aboriginal Culture Village

九族文化村 ★★★★★



Dalam budaya ada keseronokkan, taman ini mampu menceriakan setiap orang. Dalam satu lawatan, anda boleh belajar tentang budaya orang asli tempatan, menunggang rollercoaster tergantung pertama Taiwan dan bersiar-siar di taman Eropah. Dengan keluasan 62 hektar, ia turut menyediakan 25 permainan tunggangan hiburan dan restoran Mesra Muslim.

Tip untuk pelancong

Taman ini terletak betul-betul bersebelahan dengan Sun Moon Lake dan boleh diakses melalui Sun Moon Lake Ropeway.

**WAKTU DIBUKA:** Hari biasa dari 9.30 pagi – 5.00 petang  
Hujung minggu dari 9.30 pagi – 5.30 petang

**HENTIAN TERDEKAT:** Stesen HSR Taichung atau Stesen Kereta Api Taichung kemudian naiki bas untuk ke Formosan Aboriginal Culture Village.



# Salam Suci



Percutian anda seharusnya dimanfaatkan untuk menikmati pengalaman baru, tanpa perlu bimbang bagaimana untuk menunaikan amalan agama anda. Dengan kunjungan ramai pelancong beragama Islam, lebih banyak kemudahan mesra Muslim telah diperkenalkan untuk menjadikan percutian anda di Taiwan lebih selesa.

## Taipei Grand Mosque

臺北清真寺



Dengan kubah setinggi 15 meter dan 15 diameter, ia sesungguhnya amat mengagumkan. Pusat ibadah bagi masyarakat Islam di Taipei ini pada asalnya adalah sebuah bangunan satu

tingkat. Disebabkan oleh pertumbuhan dalam masyarakat, tingkat dua telah ditambah yang kini menjadi ruang solat wanita.



**WAKTU DIBUKA:** Isnin hingga Khamis dari 9.30 pagi – 4.00 petang



**HENTIAN TERDEKAT:** Stesen Taipei kemudian naiki

Bas No. 18, 671 atau 643





## Taoyuan Longgang Mosque

龍岡清真寺

Masjid bersejarah yang tersembunyi di Zhongzheng Market. Ramai daripada umat Islam tempatan dari Yunnan dan sempadan Thailand/Myanmar yang datang ke Taiwan pada tahun 1950-an. Masjid itu dibina pada tahun 1964 telah menjadi tempat ibadat bagi orang-orang dari Taoyuan, Hsinchu dan wilayah Miaoli. Masjid ini dihias sederhana dan boleh menempatkan seramai 300 orang pada satu-satu masa.

**WAKTU DIBUKA:** 9.00 pagi – 5.00 petang setiap hari

**HENTIAN TERDEKAT:** Stesen Kereta Api Zhongli kemudian naiki Bas No. 112S



Tip untuk pelancong

Berjalanlah melalui Zhongzheng Market untuk menikmati makanan ringan seperti salad betik Thai dan roti dan lempeng Yunnan.



## Taichung Taichung Mosque

台中清真寺

Masyarakat Islam tertua Taiwan yang menetap di Taichung telah mengunjungi masjid ini sejak tahun 1949. Pada tahun 1975, masjid asal telah mula menjadi terlalu kecil untuk penduduk Islam yang semakin meningkat. Dana telah dikumpul untuk pengubahsuaian masjid dan ia dibuka semula pada tahun 1990.

**WAKTU DIBUKA:** 8.30 pagi – 8.00 malam

**HENTIAN TERDEKAT:** Stesen Kereta Api Taichung kemudian naiki Bas No. 85, 40 atau 30





## Kemudahan

Melancong sekitar Taiwan adalah lebih mudah dengan adanya kemudahan yang lebih mesra Muslim. Pusat-pusat pelancongan yang terletak di sekitar tempat menarik mempunyai tandas dengan mangkuk cebok. Di lapangan terbang dan stesen kereta api utama pelancong disediakan surau, atau anda boleh ke masjid yang terdekat. Pilihan penginapan juga disediakan dengan hotel yang menawarkan kemudahan yang sama.

## Homestay

Jika anda ingin menginap bersama penduduk, pertimbangkan homestay selain daripada hotel. Terdapat pilihan di seluruh Taiwan yang menghidangkan makanan Halal untuk tetamu yang beragama Islam.

### Tip untuk pelancong

Jika anda membuat keputusan untuk memasak semasa bercuti, dapatkan produk yang disahkan halal di pasar raya.



Download  
Halal·TW



## Restoran

Biro Pelancongan Taiwan bekerjasama rapat dengan Persatuan Cina Muslim untuk mendapatkan pensijilan halal bagi restoran. Jangan bimbang tentang

makanan yang sama setiap hari kerana anda boleh memilih restoran halal dari Asia, Timur Tengah, China, Taiwan, India dan juga Mesir.





# Salam. Taiwan

Taiwan mengalu-alukan  
kunjungan anda



## Taiwan Tourism Bureau KL Office

Suite 25.01, Level 25 Wisma Goldhill,  
67 Jalan Raja Chulan,  
50200, Kuala Lumpur, Malaysia.

Tel : +603-20706789 | Faks : +603-20723559  
E-mel : tbrockl@taiwan.net.my

Waktu pejabat: Isnin – Jumaat 0900 – 1730  
(Hari cuti umum tutup)



Time for Taiwan TTBKL



<https://www.taiwan.net.my/>

**Taiwan**  
THE HEART OF ASIA